

02/09/1999

Anwar kemuka notis rayuan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan permohonan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya saman malu RM100 juta terhadapnya digugurkan.

Notis itu dikemukakan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan, pagi ini.

Isnin lalu, Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam membenarkan permohonan Dr Mahathir itu dengan kos.

Anwar mengemukakan saman berkeenaan terhadap Dr Mahathir pada 25 Januari lalu kerana mendakwa Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan yang memfitnahnya di depan wartawan tempatan dan asing dalam sidang akhbar pada 22 September tahun lalu.

Menurutnya, Dr Mahathir mengetahui kenyataan itu akan disiarkan oleh media tempatan dan luar negara.

Anwar berkata artikel itu juga disiarkan oleh akhbar The Sun pada halaman dua 23 September 1998 dan juga mendapat liputan beberapa stesen televisyen dan radio.

Bagaimanapun, pada 24 Mei lalu, Dr Mahathir mengemukakan permohonan untuk membatalkan saman berkeenaan mengikut Aturan 18 Kaedah 19 (1) (a) (b) (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Alasan permohonan itu adalah pernyataan tuntutan berkeenaan tidak mempunyai sebab munasabah; mengaibkan; remeh; menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

(END)